



Rujukan: UKM BEN 400-6/37  
Tarikh: 2 Februari 2021

Semua Pelajar Baharu Prasiswazah Semester 1 2020/2021  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Saudara/i,

**PENGURANGAN SEBAHAGIAN YURAN PENDAFTARAN PELAJAR PRASISWAZAH SESI AKADEMIK 2020/2021 KESAN DARIPADA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan bertarikh 27 Januari 2021 telah meluluskan pengurangan sebahagian yuran pendaftaran bagi pelajar Prasiswazah UKM Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021 kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebanyak **RM350.00**. Pengurangan yuran pendaftaran pelajar baharu semester 1 sesi akademik 2020/2021 dibuat memandangkan pandemik COVID-19 yang melanda negara menyebabkan para pelajar tidak dapat mengikuti aktiviti minggu mesra mahasiswa baharu secara bersemuka.
3. Pengurangan yang diberi akan dikreditkan ke yuran semester berikutnya selepas mengambilkira semua tunggakan hutang. Walaubagaimanapun, pengecualian boleh diberikan kepada pelajar yang memerlukan pemulangan tunai, tertakluk kepada pelajar mengemas kini maklumat akaun bank.
4. Pihak Pengurusan Universiti berharap langkah ini akan dapat meringankan beban yang dihadapi oleh pelajar yang terkesan akibat penularan wabak pandemik COVID-19 serta melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran.



BAHAGIAN HASIL, JABATAN BENDAHARI, ARAS 7, BANGUNAN PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK, LINGKUNGAN KE-2  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8911 8174/8175/8176/8177/8183/8184/8185 Faksimili: E-mel: ukpbendahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>  
Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *InspirinFutures, Nurturing Possibilities*



Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, saudara/i boleh menghubungi pegawai di Unit Kewangan Pelajar, Bahagian Hasil, Jabatan Bendahari (Cik Siti Zaleha Binti Mohd Johar, Cik Puteri Noralina Kesuma Binti Samsuddin dan Cik Hamidah Binti Nayan) di talian 0389117178/8181/8175 atau emel ukpbendahari@ukm.edu.my.

Sekian untuk perhatian saudara/i selanjutnya. Terima kasih.


**“Akauntabiliti Pegangan Kita”**

Yang benar,



**NORINI BINTI MOHAMAD**  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan -Timbalan Naib Canselor
  - Dekan/Pengarah, Fakulti/Pusat/Institut
  - Presiden KMUKM



BAHAGIAN HASIL, JABATAN BENDAHARI, ARAS 7, BANGUNAN PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK, LINGKUNGAN KE-2  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8911 8174/8175/8176/8177/8183/8184/8185 Faksimili: E-mel: ukpbendhari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>  
Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)